



**KETUA SETIAUSAHA  
(SECRETARY GENERAL)  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR  
(MINISTRY OF RURAL DEVELOPMENT)**

Aras 30, No. 47, Persiaran Perdana,  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8891 2051  
Faks : 03-8888 2302  
Web : <http://www.rurallink.gov.my>

Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan)  
Semua Setiausaha Bahagian  
Semua Ketua Unit  
Semua Pengarah Pejabat KPLB Negeri

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR  
BILANGAN 2 TAHUN 2019**

**ARAHAN MELAKSANAKAN TUGAS-TUGAS  
PEROLEHAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (KPLB)  
(PEJABAT KPLB NEGERI)**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk mengemaskini Arahan Melaksanakan Tugas-Tugas Perolehan kepada Pegawai-Pegawai di Pejabat KPLB Negeri.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Mengikut Seksyen 15A(2) Akta Tatacara Kewangan 1957 (semakan 1972) 'tiap-tiap Pegawai Pengawal hendaklah, tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis dan apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kewangan di bawah Seksyen 4, menetapkan had mana kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang diberi atau dikenakan ke atasnya boleh dijalankan atau dilaksanakan bagi pihaknya oleh mana-mana Pegawai Perakaunan di bawah kawalannya dan memberi arahan-arahan tertentu sebagaimana yang perlu untuk menjamin perjalanan atau pelaksanaan sempurna kuasa-kuasa dan tugas-tugas tersebut'.
- 2.2. Kementerian telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar Bilangan 2 Tahun 2018 (Arahan Melaksanakan Tugas-Tugas Perolehan Kepada Pegawai-Pegawai KPLB) bertarikh 13 Disember 2018. Pengemaskinian semula arahan pelaksanaan tugas-tugas perolehan kepada pegawai-pegawai di Pejabat KPLB Negeri ini adalah selaras dengan peraturan kewangan terkini yang sedang berkuatkuasa.

### 3. PENGECUALIAN DARIPADA PEMAKAIAN

Sebarang pengecualian daripada arahan yang ditetapkan oleh Surat Pekeliling Ketua Setiausaha ini hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Pegawai Pengawal. Tindakan tatatertib boleh diambil ke atas mana-mana pegawai yang gagal mematuhi arahan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling ini.


### 4. KUATKUASA

- 4.1. Selaras dengan Seksyen 15A(2) Akta Tatacara Kewangan Tahun 1957 (semakan 1972), saya sebagai Pegawai Pengawal Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengarahkan supaya tugas dan tanggungjawab kewangan khususnya yang berkaitan dengan perolehan Kerajaan dilaksanakan bagi pihak saya oleh pegawai-pegawai Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**.
- 4.2. Surat Pekeliling Ketua Setiausaha ini berkuatkuasa serta-merta dari tarikh ianya diluluskan. Surat Pekeliling Ketua Setiausaha ini hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling-pekeliling lain yang berkaitan.

### 5. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Ketua Setiausaha ini, Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar Bilangan 2 Tahun 2018 bertarikh 13 Disember 2018 berkaitan Arahan Melaksanakan Tugas-Tugas Perolehan Kepada Pegawai-Pegawai di **Pejabat KPLB Negeri** adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.



(DATO' DR. AHMAD JAILANI BIN MUHAMED YUNUS)

Tarikh : 23 April 2019  
17 Syaaban 1440H

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR  
BILANGAN 1 TAHUN 2019**

**ARAHAN MELAKSANAKAN TUGAS-TUGAS  
PEROLEHAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (KPLB)  
(PEJABAT KPLB NEGERI)**

**1.1. Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi (Kerja)**

*[Arahan Perbendaharaan 174] & [1PP/PK 2.1]*

Pengerusi : Jurutera Awam Gred 41 dan ke atas

Pengerusi Ganti : Jurutera Awam Gred 41 dan ke atas dari Bahagian Teknikal KPLB atau Pejabat KPLB Negeri berdekatan atau dari Jabatan/ Agensi di bawah KPLB berdekatan

Ahli : a) Penolong Jurutera Awam  
b) Penolong Jurutera Elektrik  
c) Penolong Juruukur Bahan

**Nota:**

- i. Jawatankuasa penyediaan spesifikasi tidak boleh terdiri daripada ahli jawatankuasa pembuka, jawatankuasa penilaian atau jawatankuasa sebut harga bagi perolehan yang sama.
- ii. Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk pengerusi.

**1.2. Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi Sebut Harga ( Bekalan dan Perkhidmatan)**

*[Arahan Perbendaharaan 174] & [1PP/PK 2.1 & 5.1]*

Pengerusi : Pegawai Gred 41 ke atas

Ahli : Mana-mana 2 orang pegawai Gred 29 dan ke atas dari Pejabat KPLB Negeri berkenaan atau dari mana-mana Bahagian di KPLB atau Pejabat KPLB Negeri berdekatan atau Jabatan/ Agensi di bawah KPLB berdekatan.

Setiausaha : Mana-mana Pegawai Gred 29 dan ke atas

**Nota:**

- i. Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang ahli termasuk pengerusi.
- ii. Ahli Jawatankuasa boleh dilantik daripada Jabatan luar yang mahir, berpengalaman, dan berkeelayakan tentang barangan/perkhidmatan tersebut.
- iii. Jawatankuasa penyediaan spesifikasi tidak boleh terdiri daripada ahli jawatankuasapembuka, jawatankuasa penilaian atau jawatankuasa sebut harga bagi perolehan yang sama.

### **1.3. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga (Kerja)**

*[Arahan Perbendaharaan 197] [1PP/PK 2.1 & 5.1]*

Pengerusi : Mana-mana Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli : Seorang pegawai gred 19 dan ke atas

Nota:

- i. Korum adalah 2 orang termasuk pengerusi.
- ii. Pegawai Gred 41 dan ke atas juga boleh dilantik dari Bahagian di KPLB atau Pejabat KPLB Negeri berdekatan atau Jabatan/ Agensi di bawah KPLB berdekatan.
- iii. Pembantu Tadbir (Kontrak) boleh dilantik sebagai ahli.
- iv. Jawatankuasa pembuka tidak boleh terdiri daripada ahli jawatankuasa penyediaan spesifikasi, jawatankuasa penilaian atau jawatankuasa sebut harga bagi perolehan yang sama.

### **1.4. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga (Bekalan & Perkhidmatan)**

*[Arahan Perbendaharaan 197] [1PP/PK 2.1 & 5.1]*

Pengerusi : Mana-mana Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli : Mana-mana 2 orang pegawai gred 19 dan ke atas

Setiausaha : Mana-mana Pegawai Gred 19 dan ke atas

Nota:

- i. Korum adalah 3 orang termasuk pengerusi.
- ii. Pegawai Gred 41 dan ke atas juga boleh dilantik dari Bahagian di KPLB atau Pejabat KPLB Negeri berdekatan atau Jabatan/ Agensi di bawah KPLB berdekatan.
- iii. Pembantu Tadbir (Kontrak) boleh dilantik sebagai ahli.
- iv. Jawatankuasa pembuka tidak boleh terdiri daripada ahli jawatankuasa penyediaan spesifikasi, jawatankuasa penilaian atau jawatankuasa sebut harga bagi perolehan yang sama.

### **1.5. Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga (Kerja)**

*[1PP/PK 2.1]*

Pengerusi : Jurutera Awam Gred 41 dan ke atas

Pengerusi Ganti : Jurutera Awam Gred 41 dan ke atas dari Bahagian Teknikal KPLB/  
Penolong Jurutera Gred 36 dari Pejabat KPLB Negeri berkenaan/  
Pejabat KPLB Negeri berdekatan

Ahli : a) Penolong Jurutera Awam  
b) Penolong Jurutera Elektrik  
c) Penolong Juruukur Bahan

Nota:

- i. Jawatankuasa penilaian tidak boleh terdiri daripada ahli jawatankuasa penyediaan spesifikasi, jawatankuasa pembuka atau jawatankuasa sebut harga bagi perolehan yang sama.
- ii. Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk pengerusi.

**1.6. Jawatankuasa Penilaian Teknikal Sebut Harga (Bekalan dan Perkhidmatan)**  
**[1PP/PK 2.1 & 5.1]**

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Pengerusi Ganti : Pegawai Gred 41 dan ke atas dari Bahagian Perolehan KPLB atau Pejabat KPLB Negeri berdekatan atau dari Jabatan/ Agensi di bawah KPLB berdekatan

Ahli : Mana-mana 2 orang pegawai Gred 29 dan ke atas dari Pejabat KPLB Negeri berkenaan atau Pejabat KPLB Negeri berdekatan/ Bahagian/ Jabatan/ Agensi lain di bawah KPLB

Setiausaha : Mana-mana Pegawai Gred 19 dan ke atas

Nota:

- i. Korum sekurang-kurangnya 3 orang termasuk pengerusi.
- ii. Ahli Jawatankuasa boleh dilantik daripada Jabatan luar yang mahir, berpengalaman, dan berkelayakan tentang barangan/perkhidmatan tersebut.
- iii. Jawatankuasa penilaian teknikal tidak boleh terdiri daripada ahli jawatankuasa penyediaan spesifikasi, jawatankuasa pembuka, jawatankuasa penilaian harga atau jawatankuasa sebut harga bagi perolehan sama.

**1.7. Jawatankuasa Penilaian Harga Sebut Harga (Bekalan dan Perkhidmatan)**  
**[1PP/PK 2.1 & 5.1]**

Pengerusi : Mana-mana Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli : Mana-mana 2 orang pegawai Gred 19 dan ke atas

Setiausaha : Mana-mana Pegawai Gred 19 dan ke atas

Nota:

- i. Korum sekurang-kurangnya 3 orang termasuk pengerusi.
- ii. Pegawai Gred 19 dan ke atas dari Pejabat KPLB Negeri berdekatan/ Bahagian/ Jabatan/ Agensi lain di bawah KPLB juga boleh dilantik sebagai ahli.
- iii. Jawatankuasa penilaian harga tidak boleh terdiri daripada ahli jawatankuasa penyediaan spesifikasi, jawatankuasa pembuka, jawatankuasa penilaian teknikal atau jawatankuasa sebut harga bagi perolehan yang sama.

**1.8. Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga (Kombinasi Jawatankuasa Pembuka, Teknikal dan Harga) [Bekalan & Perkhidmatan]**  
**[1PP/PK 2.1 & 5.1]**

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli : Mana-mana 2 orang pegawai Gred 19 dan ke atas

Setiausaha: Mana-mana Pegawai Gred 19 dan ke atas

Nota:

- i. Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang ahli termasuk pengerusi.

- ii. Ahli Jawatankuasa boleh dilantik daripada Jabatan/Agensi KPLB dan luar yang mahir, berpengalaman, dan berkelayakan tentang barangan/perkhidmatan tersebut.
- iii. Kaedah Penilaian dilaksanakan secara 1 peringkat bagi perolehan bekalan/perkhidmatan yang tidak kompleks seperti bekalan alat tulis, bekalan toner, perkhidmatan pembersihan dan sebagainya.
- iv. Jawatankuasa penilaian ini tidak boleh terdiri daripada ahli jawatankuasa penyediaan spesifikasi atau jawatankuasa sebut harga bagi perolehan yang sama.

**1.9. Jawatankuasa Sebut Harga [B] (Bekalan dan Perkhidmatan) –**  
**[ Nilai Melebihi RM20,000 sehingga RM50,000]**  
**[1PP/PK 2.1 & 5.1]**

Pengerusi : Pengarah Pejabat KPLB Negeri

Pengerusi Ganti : Pegawai Gred 48 dan ke atas dari Bahagian Penyelarasan & Pemantauan/ Bahagian Perolehan atau Pengarah Pejabat KPLB Negeri yang berdekatan.

Ahli : a) Penolong Pengarah  
 b) Mana-mana pegawai Gred 29 dan ke atas  
 c) Penolong Jurutera Awam/ Penolong Jurutera Elektrik/  
 Penolong Juruukur Bahan

Urus Setia : Unit Pentadbiran dan Pengurusan Projek, Pejabat KPLB Negeri

Nota:

- i. Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.
- ii. Jawatankuasa sebut harga tidak boleh terdiri daripada ahli jawatankuasa penyediaan spesifikasi, jawatankuasa pembuka atau jawatankuasa penilaian bagi perolehan yang sama.

**1.10. Jawatankuasa Sebut Harga**  
**[Arahan Perbendaharaan 170.3(a)] [1PP/PK 2.1 & 5.1]**

Pengerusi : Pengarah Pejabat KPLB Negeri

Ahli : a) Pegawai Gred 41 dan ke atas  
 b) Pegawai Teknikal Gred 41 dan ke atas  
 c) Mana-mana Pegawai Gred 41 dan ke atas dari Bahagian Penyelarasan & Pemantauan /Bahagian Perolehan KPLB/ Pejabat KPLB Negeri Berdekatan/ Jabatan/ Agensi di bawah KPLB berdekatan

Urus Setia : Unit Pentadbiran dan Pengurusan Projek Pejabat KPLB Negeri

Nota:

- i. Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang ahli termasuk Pengerusi. Pegawai Teknikal adalah ahli wajib.
- ii. Pengerusi Ganti adalah mana-mana pegawai Gred 48 dan ke atas dari Bahagian Penyelarasan & Pemantauan/ Bahagian Perolehan atau Pengarah Pejabat KPLB Negeri yang berdekatan.

- iii. Pegawai Teknikal Gred 41 dan ke atas juga boleh dilantik dari Bahagian Teknikal KPLB atau Pejabat KPLB Negeri berdekatan atau Jabatan/ Agensi di bawah KPLB berdekatan atau Jabatan/ Agensi Teknikal Negeri berkenaan seperti Jabatan Kerja Raya/ Jabatan Pengairan dan Saliran.
- iv. Jawatankuasa Sebut Harga tidak boleh terdiri daripada ahli jawatankuasa penyediaan spesifikasi, jawatankuasa pembuka atau jawatankuasa penilaian bagi perolehan yang sama.

**1.11. Jawatankuasa Kelulusan Lanjutan Masa/Perubahan Kerja Kontrak Kerja Bernilai RM500,000 Ke Bawah**

Pengerusi : Pengarah Pejabat KPLB Negeri

Ahli : a) Pegawai Gred 41 dan ke atas  
 b) Pegawai Teknikal Gred 41 dan ke atas  
 c) Mana-mana Pegawai Gred 41 dan ke atas dari Bahagian Penyelarasan & Pemantauan /Bahagian Perolehan KPLB/ Pejabat KPLB Negeri Lain (Berdekatan)

Urus Setia : Unit/ Sektor Teknikal Pejabat KPLB Negeri

Nota:

- i. Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang ahli termasuk Pengerusi. Pegawai Teknikal adalah ahli wajib.
- ii. Pengerusi Ganti adalah mana-mana pegawai Gred 48 dan ke atas dari Bahagian Penyelarasan & Pemantauan/ Bahagian Perolehan atau Pengarah KPLB Negeri yang berdekatan.
- iii. Pegawai Teknikal Gred 41 dan ke atas juga boleh dilantik dari Pejabat KPLB Negeri berdekatan/ Bahagian/ Jabatan/ Agensi di bawah KPLB.

**1.12. Menandatangani Borang Sebutharga Peringkat Negeri**

[Arahan Perbendaharaan 170]

[Borang Kewangan 284, Lampiran Q]

- a) Pengarah Pejabat KPLB Negeri atau
- b) Mana-mana pegawai Gred 48 dan ke atas dari Bahagian Penyelarasan & Pemantauan/ Bahagian Perolehan atau Pengarah KPLB Negeri yang berdekatan sekiranya jawatan Pengarah Negeri tidak diisi/ kosong

Nota : Bagi negeri – negeri yang diberi taraf PTJ sahaja.

**1.13. Meluluskan Pesanan Kerajaan Peringkat Negeri (Pelulus Penuhan)**

[Arahan Perbendaharaan 176]

[Borang Am 75 – Pindaan 5/1981] [1PP/PK 5.1]

Bekalan dan Perkhidmatan

Bil.	Pelulus	Had Kuasa
i.	Pengarah Pejabat KPLB Negeri	Tidak melebihi RM500,000.00
ii.	Ketua Penolong Pengarah/	Tidak Melebihi RM100,000.00
iii.	Penolong Pengarah	Tidak Melebihi RM50,000.00
iv.	Penolong Pegawai Tadbir	Tidak Melebihi RM50,000.00

Nota: Bagi negeri – negeri yang diberi taraf PTJ sahaja

### 1.14. Padanan Bayaran

[1PP/PK 5.1]

#### Bekalan dan Perkhidmatan

Bil.	Pegawai Padanan Bayaran	Had Kuasa
i.	Ketua Penolong Pengarah/ Penolong Pengarah bagi Pejabat KPLB Negeri yang tidak mempunyai perjawatan Ketua Penolong Pengarah Sahaja	Tidak Melebihi RM500,000.00
ii.	Penolong Pengarah bagi negeri yang mempunyai perjawatan Ketua Penolong Pengarah	Tidak Melebihi RM300,000.00
iii.	Penolong Pegawai Tadbir	Tidak Melebihi RM100,000.00

### 1.15. Menandatangani Inden Kerja

[Arahan Perbendaharaan 176 dan Borang JKR 58 Pin. 3/2008]

- Pengarah Pejabat KPLB Negeri atau Ketua Sektor/ Unit Teknikal

### 1.16. Pegawai Pemegang Kunci Peti Tawaran

[Arahan Perbendaharaan 196]

Mana-mana antara 2 orang pegawai berikut:

- a) Pengerusi Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga yang dilantik atau
- b) Pegawai Gred 29 dan ke atas atau
- c) Ketua Pembantu Tadbir

### 1.17. Senarai Peranan Pengguna Dalam Sistem ePerolehan (1PP PK 5.1)

Bil.	Peranan	Gred/ jawatan
1.	Pegawai Pengesah Perkhidmatan/ Bekalan	Pegawai Gred 22 Dan Ke Atas
2.	Pelulus Nota Minta	Pegawai Gred 22 Dan Ke Atas
3.	Peminta	Pegawai Gred 19 Dan Ke Atas
4.	Pentadbir Kontrak	Pegawai Gred 29 Dan Ke Atas
5.	Pelulus Kontrak	Pegawai Gred 41 Dan Ke Atas
6.	Pegawai Penerima Perkhidmatan/ Barangan	Pegawai Gred 19 Dan Ke Atas
7.	Pelulus Lantikan Jawatankuasa	Pengarah Pejabat KPLB Negeri
8.	Pelulus Pengiklanan / SST	Pengarah Pejabat KPLB Negeri
9.	Penandatangani SST/ Kontrak	Pengarah Pejabat KPLB Negeri

Nota :

Pegawai Penerima Barang dan Pegawai Pengesah Barang adalah berdasarkan Pegawai Aset yang dilantik oleh Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Aset, Kementerian.